

ULI AL-IRBAH: ANTARA TAFSIRAN MUFASSIRIN DAN FUQAHA SERTA PERKAITANNYA DENGAN TRANSGENDER

Mohd Nasir Abdul Majid¹, Nur Fatin Halil², & Irwan Mohd Subri³, Rafidah Hanim Mokhtar⁴,
Mohd Izwan Md Yusof⁵ & Umi Adzlin Silim⁶

¹ Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia,
nasirmajid08@usim.edu.my

² Pelajar Ph.D, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia,
fatinurhalil@raudah.usim.edu.my

³ Profesor Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, irwan@usim.edu.my

⁴ Profesor Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia,
rafidahhanim@usim.edu.my

⁵ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, izwanyusof@islam.gov.my

⁶ Hospital Sultan Idris Shah Serdang, umiadzlin@gmail.com

Abstrak

Istilah Uli al-Irbah yang disebut dalam Surah al-Nūr ayat 31 lazimnya diterjemahkan sebagai lelaki yang tidak mempunyai keinginan terhadap wanita. Namun, para mufassirin dan fuqaha memberikan pelbagai penafsiran terhadap istilah ini. Kepelbagaian tafsiran tersebut telah diambil kesempatan oleh sesetengah pihak untuk mengaitkan Uli al-Irbah dengan konsep transgender, dengan menyatakan bahawa Al-Quran menyebut dan meraikan golongan tersebut. Justeru, kajian ini meneliti penafsiran ulama tafsir dan fuqaha terhadap Uli al-Irbah serta menganalisis sama ada terdapat perkaitan di antara istilah Uli al-Irbah dengan konsep transgender dalam konteks semasa. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah penelitian teks atau dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mengaitkan dan menyamakan golongan Uli al-Irbah dengan transgender adalah tidak tepat. Para mufassirin dan fuqaha telah menjelaskan bahawa golongan Uli al-Irbah merujuk kepada lelaki yang tidak memiliki nafsu syahwat terhadap wanita, manakala transgender merupakan golongan yang memiliki isu kecelaruan identiti atau melakukan perbuatan menyerupai jantina yang bertentangan. Oleh itu, penerangan yang menyeluruh terhadap konsep transgender dan kedudukannya dalam Islam perlu terus diperkasakan terutamanya oleh para ulama, ahli akademik dan penyelidik Islam agar tidak menimbulkan kekeliruan dan salah faham dalam masyarakat serta tidak dimanipulasi oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

Kata Kunci: *Uli Al-Irbah, Ulama Tafsir, Fuqaha, Transgender.*

PENDAHULUAN

“Transgender” adalah satu istilah yang memayungi individu yang merasai gender mereka tidak sepadan dengan jantina mereka semasa dilahirkan. Definisi ini menekankan bahawa transgender merujuk kepada individu yang identiti gender, ekspresi gender atau tingkah laku mereka

bertentangan dengan jantina mereka semasa dilahirkan berdasarkan norma masyarakat (Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Persatuan Psikologi Amerika).

Berdasarkan Manual Diagnostik dan Statistik Gangguan Mental Edisi Kelima (DSM-V) , “transgender” merujuk kepada spektrum yang luas bagi individu yang mengenal pasti diri mereka dengan gender yang berbeza daripada gender semula jadi mereka, sama ada secara sementara atau berterusan. Ini menunjukkan bahawa terminologi transgender adalah satu terminologi yang luas yang memayungi semua fenomena berkait dengan kecelaruan gender (Hatta Sidi et al., 2006).

Terdapat aktivis transgender yang mengambil peluang dengan menggunakan hujah khilaf ulama dalam mendefinisikan *Uli al-Irbah* sebagai transgender yang seakan menjadi dalil bagi mereka bahawa golongan transgender adalah golongan yang diiktiraf Islam. Sebagai contoh, pada 13 Ogos 2018, Elisha Kor Krishnan, seorang aktivis transgender telah memuatnaik respon beliau berhubung kenyataan Menteri Agama ketika itu (Dr. Mujahid Yusof Rawa) tentang penggunaan tandas wanita oleh golongan transgender (Jonathan, 2018). Elisha mendakwa bahawa Dr. Mujahid tidak mempunyai pengetahuan am berhubung perkara ini lalu membawa ayat 31 daripada tafsir Surah al-Nur yang antara lain seakan menjadi dalil bagi mereka bahawa golongan *Uli al-Irbah* ini adalah transgender yang dimaksudkan di dalam Al-Quran.

Penggunaan dalil daripada Al-Quran dan hadis oleh golongan aktivis transgender ini dilihat tidak bertepatan dengan metodologi yang telah digariskan oleh sarjana silam serta penelitian tentangnya tidak holistik dan bersikap selektif (Ahmad Sanusi, 2018). Justeru, satu kajian yang mendalam berdasarkan metodologi penyelidikan Islam diperlukan untuk meneliti huraian ulama tafsir dan fuqaha mengenai status golongan *Uli al-Irbah* serta perkaitannya dengan konsep transgender dalam konteks semasa.

METODOLOGI

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah penelitian teks atau dokumen. Penelitian teks atau disebut juga sebagai analisis kandungan (*content analysis*) merupakan teknik kajian yang diguna bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah dari teks (atau bahan lain yang bermakna) bagi konteks yang diguna (Krippendorff, 2004). Kandungan atau teks yang

dianalisis dalam kajian ini melibatkan sampel istilah “*Uli al-Irbah*” yang terdapat pada ayat Al-Quran daripada Surah Al-Nur ayat 31. Selain itu, penyelidik juga melakukan penelitian terhadap kitab-kitab tafsir al-Quran dan kitab fiqh Mazhab Syaf’ie dalam menghuraikan maksud “*Uli al-Irbah*”.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Tiga dapatan utama telah dihasilkan oleh kajian ini dan dibahagikan seperti berikut:

Pertama: *Uli al-Irbah* Menurut Ulama Tafsir

Perkataan “*Uli al-Irbah*” dalam Al-Quran, yang terdapat dalam surah An-Nur ayat 31, dihuraikan oleh ulama tafsir seperti berikut:

- i. Ibn Kathir (1998) menafsirkan *Uli al-Irbah* sebagai lelaki yang tidak mempunyai keinginan seksual terhadap wanita. Ini termasuk lelaki yang kurang akal atau tidak menyedari keinginan seksual, seperti orang tua yang sangat lanjut usianya atau orang yang mempunyai kecacatan mental.
- ii. Al-Qurtubi (2006) menyatakan bahawa *Uli al-Irbah* adalah lelaki yang tidak mempunyai keinginan kepada wanita, termasuk orang tua yang sudah hilang kemampuan atau keinginan seksual, atau lelaki yang mempunyai kecacatan yang membuat mereka tidak tertarik kepada wanita.
- iii. Al-Tabari (1995) menafsirkan bahawa *Uli al-Irbah* adalah lelaki yang tidak mempunyai keinginan terhadap wanita dan tidak memahami perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan lelaki dan wanita. Ini termasuk orang yang mengalami kecacatan mental atau fizikal yang menyebabkan mereka tidak berminat terhadap wanita.
- iv. Tafsir Al-Jalalayn (t.t.) menjelaskan bahawa *Uli al-Irbah* merujuk kepada lelaki yang tidak mempunyai keinginan seksual, seperti orang yang kurang cerdas atau orang yang sangat tua sehingga tidak lagi mempunyai keinginan terhadap wanita.

Kesimpulannya, para ulama tafsir secara umum bersepakat bahawa Uli al-Irbah merujuk kepada lelaki yang tidak mempunyai keinginan seksual terhadap wanita, sama ada disebabkan oleh faktor usia, kecacatan fizikal, atau kekurangan mental.

Kedua: *Uli al-Irbah* Menurut Fuqaha

Para fuqaha telah memberikan takrifan dan penjelasan berkenaan *Uli al-Irbah*, dengan penjelasan yang selari dengan tafsiran ulama tafsir, namun dengan penekanan yang lebih mendalam terhadap ciri-ciri penting, implikasi fiqh dan hukum. Berikut adalah beberapa takrifan dan ciri-ciri terhadap istilah *Uli al-Irbah* :

- i. Al-Nawawi (2008) menyatakan bahawa "*Uli al-Irbah*" merujuk kepada lelaki yang tidak mempunyai keinginan terhadap wanita. Ini termasuk lelaki yang mengalami kecacatan fizikal atau mental yang menyebabkan mereka tidak mempunyai nafsu syahwat, seperti orang yang sangat tua atau mereka yang mengalami penyakit yang menghilangkan nafsu syahwat.
- ii. Al-Ramli (2003) menjelaskan bahawa "*Uli al-Irbah*" adalah lelaki yang tidak mempunyai keinginan seksual sama sekali, sama ada kerana kecacatan fizikal atau kerana mereka tidak mempunyai keinginan terhadap wanita sejak awal.
- iii. Al-Shirbini (1994) menyebut bahawa "*Uli al-Irbah*" merujuk kepada lelaki yang tidak mempunyai keinginan seksual terhadap wanita. Mereka termasuk orang yang tidak mempunyai nafsu syahwat kerana faktor usia atau kecacatan fizikal atau mental.
- iv. Ibn Hajar Al-Haytami (t.t.) menyatakan bahawa "*Uli al-Irbah*" adalah lelaki yang tidak mempunyai keinginan seksual terhadap wanita dan tidak memahami perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan lelaki dan wanita. Ini termasuk lelaki yang mengalami kecacatan mental atau fizikal yang menyebabkan mereka tidak tertarik kepada wanita.
- v. Al-Mawardi (2012) menjelaskan maksud "*Uli al-Irbah*" dengan menjelaskan terdapat tiga pendapat:-

- a. Bahawa ia adalah orang bodoh yang mengikuti orang lain untuk makan bersama mereka dan mendapat manfaat daripada makanan mereka, tetapi tidak mempunyai keinginan terhadap wanita, seperti yang dikatakan oleh Ibn Abbas dan Ikrimah.
- b. Bahawa ia adalah orang yang kurang akal, seperti yang dikatakan oleh Mujahid.
- c. Bahawa ia adalah orang yang dikebiri, seperti yang dikatakan oleh Said bin Al-Musayyib.”

Berdasarkan kenyataan Al-Mawardi (2012) ini, telah menjelaskan “*Uli al-Irbah*” dalam konteks yang lebih luas dan lebih terperinci, serta mencantumkan pendapat para ulama yang lain.

Secara keseluruhannya, para fuqaha bersepakat bahawa “*Uli al-Irbah*” merujuk kepada lelaki yang tidak mempunyai keinginan seksual terhadap wanita, yang berkait sama ada disebabkan oleh faktor usia, kecacatan fizikal, atau kekurangan mental. Ini selaras dengan tujuan syariah untuk menjaga kehormatan dan privasi wanita daripada lelaki yang tidak mempunyai niat yang baik.

Ketiga: *Uli al-Irbah* dan Kaitannya dengan Transgender

Kecelaruan gender atau “*gender incongruence*” adalah terma perubatan terkini yang diguna pakai kepada golongan transgender berdasarkan Pengkelasan Statistik Antarabangsa bagi Penyakit dan Masalah Kesihatan Berkaitan atau International Statistical Classification of Disease and Related Health Problems (ICD). Klasifikasi diagnosis psikiatri untuk isu kecelaruan gender melalui evolusi dan sentiasa diperdebatkan dari semasa ke semasa yang menyebabkan terminologi yang digunakan untuk kecelaruan gender sering berubah-ubah. Keputusan terkini berdasarkan WHO telah menetapkan bahawa keadaan seorang transgender yang menghadapi kecelaruan gender dianggap normal dan bukan lagi satu penyakit.

Penelitian terhadap huraian ulama tafsir dan fuqaha yang mengaitkan *Uli al-Irbah* dengan lelaki yang tidak mempunyai nafsu syahwat tidak mempunyai hubung kait dengan definisi transgender kerana transgender memiliki kecelaruan jantina dan melakukan perbuatan yang bertentangan dengan jantina semasa mereka dilahirkan.

KESIMPULAN

Penyelidik membuat kesimpulan bahawa mengaitkan *Uli al-Irbah* dengan transgender adalah suatu kenyataan yang tidak tepat. Ini kerana *Uli al-Irbah* menurut ulama tafsir dan fuqaha menjurus kepada golongan lelaki yang tidak memiliki nafsu syahwat terhadap wanita. Sedangkan transgender pula merupakan individu yang memiliki kecelaruan identiti atau melakukan penyerupaan terhadap jantina yang bertentangan. Justeru, ini membuktikan *Uli al-Irbah* tidak menepati definisi transgender dan hujah golongan yang menyatakan *Uli al-Irbah* sebagai golongan transgender yang mendapat pengiktirafan dalam al-Quran perlu ditolak dan ditentang.

RUJUKAN

- Al-Maḥallī, J. & Al-Suyūṭī, J (t.t.). *Tafsīr al-Jalālayn*. Cetakan pertama. Kaherah: Dār al- Ḥadīth.
- Al-Mawardi, Alī ibn Muḥammad ibn Ḥabīb. (2012). *Nukat wa-al-‘Uyūn: Tafsīr al-Māwardī* (6 jilid).
- Al-Nawawī, Abū Zakariyā Maḥyuddīn Yaḥya bin Sharaf. (2008). *Al-Majmu‘ Sharḥ Muḥadḥab*. Maktabah al-Irshād.
- Al-Qurṭubī, Muhammad ibn Ahmad. (2006). *Al-Jamī‘ li Ahkām al-Qur’ān*. Beirut: Ihyā’ al-Turāth al-‘Arab.
- Al-Ramlī, Shamsuddīn Muhammad bin Abū al-‘Abbās Ahmad bin Hamzah bin Shihābuddīn. (2003). *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ Minhāj*. Dār al-Kutub al- ‘Ilmiyyah.
- Al-Sharbīnī, al-Khaṭīb. (1994). *Mughnī al-Muḥtāj*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Ṭabarī, Muhammad ibn Jarīr. (1995). *Jamī‘ al-Bayān fī Tafsīr al-Qur’ān (Tafsīr al-Ṭabarī)*. Beirut: Dār al-Fikr al-Ma‘rifah.
- Hatta Sidi, Mohamed Hatta Shaharom & Ramli Hassan. (2001). *Seksualiti Manusia, keharmonian jalinan antara jantina*. Edisi Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Ḥajar al-Haytamī. (n.d.). *Tuḥfat al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj* (4 jilid). Kaherah: Dār al- Ḥadīth.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Isma‘īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Qarshī al-Baṣrī. (1998). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: an introduction to its methodology*. Thousand Oaks, California: Sage Publications Inc.

Laman Web

Ahmad Sanusi Azmi. (2018). "Penggunaan Ayat Al-Quran Oleh Transgender." *The International Women's Alliance for Family Institution and Quality Education (WAFIQ) Official Website*. <http://wafiq.my/2018/10/30/penggunaan-ayat-al-quran-oleh-transgender/>.

Jonathan Edward. (2018). "FT Mufti backs call to revisit edict against transgenders" *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/02/15/ft-mufti-backs-call-to-review-edict-against-transgenders/1578347>